

07 OCT 1997

Anwar-Belanjawan

ANWAR YAKIN BELANJAWAN 1998 DAPAT PERKUKUHKAN EKONOMI

BATU PAHAT, 7 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin belanjawan yang akan dibentangkan beliau di Parlimen pada 17 Okt dapat mengukuhkan kembali ekonomi negara di samping mengukuhkan kembali nilai mata wang yang susut sekarang.

Beliau yakin mata wang negara akan kukuh semula berdasarkan kekuatan asas ekonomi negara.

"Tak mungkin ringgit merosot lagi," katanya semasa merasmikan projek Bandar Putra Indah, di Jalan Parit Jalil di sini.

Beliau mengajak rakyat supaya terus bersatu dan membulatkan tekad memberi sokongan padu kepada kepimpinan negara yang diterajui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tak apalah apa orang kata dalam agenda berita asing, ini soal orang kita, kita tahu apa baik untuk kita, kita mesti urus rumah tangga kita dalam negara kita. Kita nak bersatu, bermuafakat dan bersama-sama menangani masalah mata wang negara.

"Kita mesti faham tentang masalah ekonomi negara. Kita tahu mata wang mesti dikaitkan dengan asas ekonomi yang kukuh, rizab mesti tinggi, simpanan tabungan negara tinggi iaitu 39 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) dibandingkan dengan negara lain," katanya.

Beliau berkata mengurus ekonomi samalah seperti mengurus rumah tangga iaitu mengelak berbelanja lebih daripada pendapatan.

Beliau berkata langkah kerajaan membuat pra-pembayaran hutang lebih awal dari tempohnya membolehkan negara mampu bertahan mengatasi masalah ekonomi sekarang.

Begitu juga dalam bidang hartanah, katanya, kebijaksanaan kerajaan dalam mengenakan syarat dan kawalan ketat di kawasan-kawasan pertumbuhan pesat seperti di Johor Baharu, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan membolehkan negara menghadapi masalah ekonomi itu.

Beliau berkata dalam membuat pra-pembayaran hutang negara, kerajaan menjelaskan antara RM1 bilion dan RM2 bilion setahun.

"Saya kata beberapa langkah jika diambil sekarang memang tidak sempat, mesti ambil dari awal beberapa tahun lalu. Sebab itu kita tidak lagi berhutang," katanya.

Beliau berkata apabila berhutang atau berbelanja melebihi pendapatan, apabila musim ekonomi merosot sedikit di negara jiran, maka tempiasnya akan dirasai dan memberi kesan kepada negara-negara jiran termasuk Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, tempias masalah kewangan, masalah ekonomi dan kemerosotan pasaran saham tidak sahaja harus ditangani oleh kerajaan tetapi oleh semua pihak.

Katanya, bagi pihak pemaju mereka harus berhenti daripada mengimport bahan dari negara asing

"Bila import banyak, eksport tak sama import, berlakulah kekurangan (defisit) dalam akaun semasa negara. Negara kuat jika kita jual lebih daripada kita beli dari luar.

"Sekarang ini kita import lebih, sebab itu kita mesti hentikannya jika tidak perlu. Kita mesti tahan sedikit supaya ini memberi galakan kepada industri tempatan yang secara langsung dapat menangani masalah akaun semasa negara dengan baik," katanya.

Beliau juga mengingatkan pemaju supaya memastikan projek perumahan bermutu dan selesa untuk diduduki oleh pembeli. -- BERNAMA

ARA SIA NMO

